

Syed Hamid, Mohd Isa hanya tanding Naib Presiden Umno

BH 22 APR 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Dua lagi calon Naib Presiden menolak pencalonan bertanding 25 jawatan Majlis Tertinggi (MT) Umno bagi memberi tumpuan terhadap perebutan jawatan hirarki ketiga dalam parti pada pemilihan 11 Mei ini.

Mereka ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar. Kedua-duanya mengemukakan borang penolakan itu, semalam.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, turut menolak bertanding jawatan MT.

Dengan itu, cuma dua calon naib presiden, iaitu Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, mengesahkan bertanding merebut kedua-dua jawatan.

Dua lagi calon naib presiden adalah penyandang jawatan, iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Empat calon MT yang turut secara rasmi menolak pencalonan ialah Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Melor, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain - kedua-duanya ahli MT dilantik, serta Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman.

Ini bermakna hanya 63 daripada 75 calon yang melepasi kelayakan bertanding bagi merebut 25 jawatan MT mengesahkan menerima pencalonan itu.

Bagaimanapun, menurut sumber ibu pejabat Umno, pihaknya belum menerima sebarang jawapan daripada Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh sama ada menerima atau menolak pencalonan untuk jawatan MT meskipun pernah

menyatakan hasrat tidak mahu bertanding sebelum ini.

Bagaimanapun, antara muka baru yang menonjol dengan mendapat jumlah pencalonan yang banyak untuk merebut 25 jawatan MT ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Samsuddin; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Salleh; Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Helmi Yahya; Pengerusi Bank Simpanan Nasional Bhd (BSN), Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi dan usahawan, Datuk Maznah Hamid.

Mengenai jawatan Pengerusi Tetap Umno, sumber itu berkata, penyandanginya Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dijangka menang tanpa bertanding jika Umno mendapati mesyuarat perwakilan bahagian Bandar Tun Razak yang sedang disiasat oleh jawatankuasa teknikal, tidak sah.

Ini kerana bahagian terbabit mencalonkan Ketua Umno bahagian Kepong, Datuk Rizuan Abdul Hamid untuk jawatan itu. Bagi melayakkannya bertanding jawatan Pengerusi Tetap, Rizuan perlu mendapat minimum dua pencalonan dan satu pencalonan yang diterimanya sebelum ini adalah dari bahagian Kepong.

Untuk jawatan Timbalan Pengerusi Tetap, seramai 11 calon melepasi syarat kelayakan sekurang-kurangnya minimum dua pencalonan.

Mereka ialah Datuk Seri Onn Ismail, Datuk Yahya Shafie, Datuk Amping Puyon, Wan Hanafiah Wan Mat Saman, Datuk Adam Kadir, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman,

Datuk Idris Ibrahim, Datuk Mohamad Aziz, Datuk Mohd Yussof Latiff, Datuk Ikhwan Nasir dan Datuk Azman Attar.

Jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno sudah dimenangi tanpa bertanding masing-masing oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Turut menang tanpa bertanding ialah Datuk Hishammuddin Tun Hussein bagi jawatan Ketua Pemuda.